



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**ASPEK BAHASA DAN FALSAFAH DALAM MUKUN MELAYU
SARAWAK**

HAMSI AH BT JUKI

FBMK 2018 78



**ASPEK BAHASA DAN FALSAFAH DALAM MUKUN MELAYU
SARAWAK**

Oleh

HAMSIAH BT JUKI

**Tesis ini diserahkan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2018

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah.

ASPEK BAHASA DAN FALSAFAH DALAM MUKUN MELAYU SARAWAK

Oleh

HAMSIAH BT JUKI

Oktober 2018

Pengerusi: Profesor Madya Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD
Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Pantun Melayu Sarawak (PMS), yang terkenal sebagai bermukun merupakan satu tradisi yang telah diamalkan semenjak dahulu lagi semasa majlis-majlis perkahwinan dan juga perayaan. Pantun yang digunakan semasa bermukun sebenarnya sangat unik dan berlainan daripada pantun lain. PMS menggunakan dialek Melayu Sarawak dan disampaikan secara bermukun. Kebanyakan mesej yang disampaikan ialah berkaitan kehidupan masyarakat Melayu Sarawak. Objektif kajian ini ialah membincangkan aspek bahasa yang terdapat dalam bermukun Melayu Sarawak, menganalisis implikatur dalam lirik bermukun Melayu Sarawak dan merumuskan aspek falsafah dominan dalam bermukun Melayu Sarawak. Kaedah yang digunakan ialah pemerhatian dan kajian lapangan. Sebanyak 130 rangkap PMS yang diperoleh hasil kajian lapangan dijadikan bahan kajian. Tempat kajian ialah di Kampung Jaie dengan 4 orang responden yang masih aktif dengan aktiviti bermukun. Teori yang digunakan ialah TFB dan TR. Kaedah yang digunakan ialah kualitatif dengan menganalisis 130 rangkap pantun yang diperoleh semasa kajian lapangan. Perkara yang diberikan tumpuan ialah aspek bahasa, implikatur dan juga falsafah dominan dalam pantun yang digunakan semasa bermukun. Pantun tersebut dipecahkan pula mengikut keperluan dan kesesuaian objektif. Sebanyak 40 rangkap pantun yang dipilih untuk melihat aspek yang berkaitan bahasa dan aspek bahasa yang dilihat ialah kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Sebanyak 301 patah perkataan yang dapat dikaitkan dengan aspek Bahasa. Hasil analisis mendapati 38.5% kata nama, 12.6% kata adjektif, 33.2% kata kerja dan 15.6% kata tugas. Hasil kajian mendapati bahawa kata nama ialah paling banyak digunakan dalam pantun semasa bermukun, 12 implikatur yang sesuai dan juga sebanyak 115 rangkap pantun yang dapat dikaitkan dengan aspek falsafah dominan PMS.

Abstract of thesis present to the Senat of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

**ASPECTS OF LANGUAGE AND PHILOSOPHY IN MALAY *MUKUN*
SARAWAK**

By

HAMSI AH BT JUKI

October 2018

Chairman: Associate Professor Mohd Sharifudin Yusop, PhD
Faculty: Modern Language and Communication

Sarawak Malay poems are well known as recital poems which are a tradition. they have been practiced for a long-time during wedding events and festivals celebration. Poems used during the celebration are unique compared to other poems. The Sarawak Malay poems uses Sarawak Malay dialect and presented as recitals. Most of the messages delivered are related to the lifestyle of the Sarawak Malay community. The objective of this research is to identify the aspects of language used, the implicatures in lyrics and the dominant philosophical aspects of the Sarawak Malay poem recitals. Methods used are observation and field work. 130 stanzas of Sarawak Malay poems collected through the field work which are made as research materials. The research has done in Jaie village with 4 respondents who are still active in poem recitals. Both Language Philosophical Theory and Relevance Theory are used. A qualitative method is used to analyze the 130 stanza poems obtained through fieldwork. Aspects of language, implicatures and the dominant philosophy while reciting are focused. The poem is later segregated according to the need and suitability of the objectives. 40 stanzas have chosen to analyze from the language aspect which are classification of words comprising nouns, verbs, adjectives and task words. 301 words are related to the language aspect. The analysis result shows that 38.5% are nouns, 12.6% adjectives, 33.2% verbs and 15.6% task words. Research result shows that nouns are mostly used while reciting poems. There are 12 suitable implicatures and 115 stanzas of poems which can be related to the dominant philosophical aspects of Sarawak Malay poems.

PENGHARGAAN

Rasa syukur yang tidak terhingga dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya dan hanya atas keizinan-Nya maka tesis ini dapat disempurnakan untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.

Pada kesempatan ini, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada yang sangat dihormati Prof. Madya Dr. Mohd. Sharifudin bin Yusop, selaku pengerusi penyeliaan, Prof. Madya Dr. Norazlina binti Haji Mohd Kiram dan Dr. Sharil Nizam bin Sha'ri sebagai penyelia bersama serta Prof. Madya Dr. Che Ibrahim bin Salleh yang telah banyak membantu dan memberi bimbingan yang sangat bermakna dalam penyempurnaan tesis ini.

Ucapan penuh hormat dan menjunjung budi yang tidak terhingga kepada semua Seh Gendang yang banyak memberi bantuan terutama pantun yang dijadikan bahan kajian sepanjang kajian ini dijalankan oleh saya. Tidak dilupakan, kata seharum narwastu dan mewangi kasih juga diucapkan kepada Encik Awang Seruji bin Awang Muhi yang tidak lokek dengan ilmu dan pengalaman beliau dan Encik Azrul Faizal Jusoh yang sentiasa memberi semangat dan tidak dilupakan jasa baik, Nur Shahirah binti Shahrudin yang banyak membantu saya. Seterusnya, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Hajah Rahmah bt Yusak dan Datin Norashikin binti Abu Kassim yang sentiasa memberi semangat kepada saya serta rakan-rakan sekerja yang sudi bertukar-tukar ilmu dan pandangan sepanjang tempoh pengajian ini.

Akhir kalam, terima kasih yang tidak terhingga kepada suami tercinta, anak-anak, ibu, ibu bapa mertua, dan semua ahli keluarga atas sokongan yang tidak berbelah bahagi dan doa yang sentiasa mengiringi perjuangan ini untuk menuntut ilmu dari mula pengajian hingga ke akhirnya. Terima kasih semuanya. Semoga Allah membalas jasa dan kebaikan kalian di dunia dan akhirat.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai mematuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Norazlina binti Mohd Kiram, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli Jawatankuasa)

Sharil Nizam bin Sha'ri, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli Jawatankuasa)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya mengakuai bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini dengan ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama and No. Matrik.: Hamsiah bt Juki (GS42019)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan: Prof Madya Dr Mohd Sharifudin Yusop

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Norazlina Kiram

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan: Dr Shahril Nizam bin Sha'ri

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PENGAKUAN	vi
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Persoalan kajian	8
1.4 Objektif kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.5.1 Kepentingan kepada masyarakat	9
1.5.2 Kepentingan kepada individu	11
1.5.2.1 Kepentingan kepada generasi muda	11
1.5.2.2 Kepentingan kepada Seh Gendang	12
1.5.2.3 Kepentingan kepada pihak kerajaan	12
1.6 Batasan Kajian	13
1.7 Definisi Operasional	13
1.7.1 Aspek bahasa dalam pantun Melayu Sarawak	13
1.7.2 Bermukun Melayu Sarawak	15
1.8 Kesimpulan	17
2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	19
2.2 Kajian Pantun Melayu	19
2.3 Pantun Melayu bermukun Sarawak	33
2.5 Kesimpulan	39
3 METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	40
3.2 Reka Bentuk Kajian	40
3.3 Konsep dan Kerangka Teori	40
3.3.1 Teori Falsafah Bahasa	42
3.3.1.1 Asal Usul Teori Falsafah Bahasa	42
3.3.1.2 Konsep Teori Falsafah Bahasa	43

	3.3.1.3	Tiga Prinsip Asas Dalam Teori Falsafah Bahasa	44
		Penggunaan Nahu yang betul	45
		Penyampaian Maklumat yang betul	46
		Kegiatan Berbahasa Sebagai Ibadah	47
	3.3.2	Teori Relevan	48
3.4		Kaedah Kajian	52
	3.4.1	Kajian Lapangan	52
	3.4.2	Temu bual	53
3.5		Tempat Kajian	53
3.6		Populasi dan Persampelan	55
3.7		Rasional Pemilihan Sampel Kajian	55
3.8		Alat Kajian	56
3.9		Kesahan dan Kebolehpercayaan Alatan Kajian	56
3.10		Tatacara Kajian	56
	3.10.1	Kajian Lapangan	56
	3.10.2	Pengumpulan Data	57
	3.10.3	Menulis Laporan Kajian	57
3.11		Penganalisan Data	57
3.12		Kerangka Konseptual	58
	3.12.1	Kerangka Konsepsi	58
3.13		Kesimpulan	59
4		DAPATAN DAN PERBINCANGAN	
	4.1	Pengenalan	60
	4.2	Aspek Bahasa dalam pantun Melayu Sarawak	60
	4.3	Implikatur dalam lirik lagu bermukun Melayu Sarawak	71
	4.3.1	Strategi untuk mengatakan cinta dan kasih sayang	74
	4.3.2	Strategi untuk mengatakan kesetiaan dan kejujuran	78
	4.3.3	Strategi untuk mengatakan reda dan bersyukur	81
	4.3.4	Strategi untuk mengatakan budi bahasa	83
	4.3.5	Strategi untuk mengatakan mengawal nafsu	85
	4.3.6	Strategi untuk mengatakan sentiasa berusaha dan berkeyakinan	86
	4.3.7	Strategi untuk mengatakan mencari rezeki	88
	4.3.8	Strategi untuk mengatakan berbuat kebaikan	90
	4.3.9	Strategi untuk mengatakan kepercayaan	91
	4.3.10	Strategi untuk mengatakan kerjasama	92
	4.3.11	Strategi untuk mengatakan ketaatan kepada Tuhan dan ibu bapa	92
	4.3.12	Strategi untuk mengatakan kepemimpinan	93

4.4	Aspek falsafah yang dominan dalam bermukun Melayu Sarawak	94
4.4.1	Aspek Falsafah Dominan budi bahasa	100
4.4.2	Aspek Falsafah Dominan mencari rezeki	103
4.4.3	Aspek Falsafah Dominan sikap merendahkan diri	105
4.4.4	Aspek Falsafah Dominan sikap berdikari	107
4.4.5	Aspek Falsafah Dominan sikap dalam pergaulan	109
4.4.6	Aspek Falsafah Dominan berkaitan kehalusan dalam berbahasa	118
4.4.6.1	Sikap amanah	119
4.4.6.2	Sikap bertanggungjawab	121
4.4.6.3	Sikap ikhlas	122
4.4.6.4	Sikap bercakap benar	123
4.4.6.5	Sikap sederhana	124
4.4.6.6	Sikap tekun	124
4.4.6.7	Sikap bekerjasama	125
4.4.6.8	Sikap berdisiplin	126
4.4.6.9	Sikap bersih	127
4.4.6.10	Berperibadi mulia	128
4.4.6.11	Bermuafakat	129
4.4.6.12	Bersyukur	129
4.4.6.13	Bertolenrasi	131
4.4.6.14	Bertimbang rasa	131
4.4.6.15	Bersatu padu	132
4.4.6.16	Tidak mementingkan diri sendiri	133
4.4.6.17	Tiada perasaan curiga atau syak wasangka	134
4.4.6.18	Beretika	135
4.4.6.19	Budaya saing	135
4.4.6.20	Adil	137
4.4.6.21	Cinta dan kasih sayang	138
4.4.6.22	Agama	139
4.5	Implikasi Dapatan Kajian	141
4.6	Kesimpulan	141

5	KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	143
5.2	Rumusan	143
5.3	Perkaitan antara kajian ini dengan kajian lepas	144
5.4	Cadangan Kajian Selanjutnya	148
5.5	Penutup	150

BIBLIOGRAFI	151
BIODATA PELAJAR	232
SENARAI PENERBITAN	233

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
3.1	Kerangka Teori 1	41
3.2	Kerangka Teori 2	41
3.3	Peta Kampung Jaie yang menjadi lokasi kajian	54
3.4	Kerangka Konseptual Teori Relevan dan Teori Falsafah Bahasa	58
4.1	Aspek falsafah yang dominan dalam bermukun Melayu Sarawak	95

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
4.1	Pecahan pergolongan kata	62
4.2	Pecahan kata nama dalam pantun Melayu Sarawak	63
4.3	Pecahan kata kerja dalam pantun Melayu Sarawak	65
4.4	Pecahan kata tugas dalam pantun Melayu Sarawak	68
4.5	Pecahan penggunaan kata adjektif dalam pantun Melayu Sarawak	69
4.6	Jenis implikatur	73
4.7	Aspek falsafah yang dominan dalam bermukun Melayu Sarawak	95

SENARAI SINGKATAN

PMS	Pantun Melayu Sarawak
TR	Teori Relevan
TFB	Teori Falsafah Bahasa



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka surat
1	Pantun Melayu Sarawak	158
2	Pantun Mengikut Pecahan Implikatur	178
3	Jenis Implikatur	189
4	Protokol Temu Bual	196
5	Protokol Temu Bual Seh Gendang	198
6	Protokol Temu Bual Tokoh Bermukun	203
7	Biodata Tokoh Bermukun	208
8	Responden Kajian Seh Gendang	210
9	Glosari	212
10	Nahu Pantun Melayu Sarawak	220
11	Gambar	229

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Pantun merupakan seni budaya lisan dalam masyarakat yang mempunyai nilai estitika yang unggul sebagai khazanah bangsa dan negara. Selain itu, pantun menjadi alat komunikasi yang mempunyai fungsi tersendiri. Bahkan, budaya dan masyarakat saling berkait dan pantun tetap menjadi salah satu pengikat budaya yang paling bernilai. Pantun dikatakan juga artifak budaya kerana ia tidak datang bergolek atau pemberian kuasa yang agung, tetapi ciptaan manusia yang mendukung budaya dan menganggotai masyarakat itu. Tidak dapat disangkal bahawa pantun berkait rapat dengan penggunaan bahasa Melayu yang meneroka ke alam kesenian penggunaan bahasa itu, seperti pemilihan kata yang indah dan tepat daripada segi makna, rima serta kiasan, segi daya melahirkan intelek yang tinggi, seperti falsafah terhadap hidup manusia (Wan Abdul Kadir & Ku Zamzam Ku Idris, 1996).

Menurut Mohd Taib Osman (2012), orang Melayu dan pantun sememangnya tidak dapat dipisahkan. Jiwa orang Melayu seolah-olah terikat dengan bentuk dan cara pengungkapan melalui pantun. Pada suatu ketika dahulu, pantun merupakan bentuk pengucapan yang amat berkesan, terutama untuk mengatakan sesuatu secara halus. Kini sudah wujud cara lain untuk menyampaikan mesej dalam kalangan masyarakat Melayu, dan mungkin jiwa Melayu telah berubah sehingga saluran berpantun telah diambil alih oleh cara lain yang dianggap lebih moden dan canggih. Namun begitu, pantun tetap menjadi pilihan masyarakat dalam urusan yang berkaitan dengan merisik, meminang, berkahwin dan juga majlis-majlis rasmi yang boleh dikaitkan walaupun menghadapi cabaran permodenan generasi muda.

Berdasarkan pandangan Abu Hassan Sham (2006), salah satu sebab pantun begitu mesra dengan jiwa Melayu, kerana unsur keindahannya dan dapat dikaji daripada pelbagai sudut. Bentuk pantun menjadi satu saluran yang amat berkesan untuk menyampaikan mesej dan perasaan yang halus. Perkara paling penting ialah mesej yang hendak disampaikan dalam pantun tersebut. Hal ini kerana orang Melayu terkenal dengan cara tersendiri dalam menyampaikan mesej, apatah lagi untuk mesej yang halus tetapi tajam, mesej yang ingin ditekankan tetapi tidak dengan cara memberikan malu atau melukakan hati pihak yang dituju.

Selain itu, aspek rentak dan irama turut menimbulkan keindahan dalam pantun. Ali Badron (2006) berpendapat bahawa kesemua aspek yang dinyatakan berkaitan pantun sememangnya telah dan sedang dikaji oleh para peminat pantun, terutama dalam kalangan pengkaji sastera. Berbeza dengan kajian ini kerana melihat pantun daripada pantun yang digunakan semasa bermukun dalam masyarakat Melayu Sarawak. Hakikatnya, pemilihan makna menjadi aspek yang sangat penting untuk menghasilkan pantun dan hal ini berkaitan kosa kata yang digunakan mendukung makna yang sangat kuat (Amat Juhari Moain, 2008), dan seiring dengan itu makna dalam pantun juga sangat penting dalam pembentukan kata yang agak klasik dan membawa makna yang berbeza (Amat Juhari Moain, 2012).

Joan Rawlin (1972) telah mengemukakan pendapat tentang asal usul orang Melayu, iaitu:

The name Malay suggests a close connection with Malaya, but fact very few our Sarawak Malays came from Malaya. Most of them are native people. Land Dayaks, Sea Dayak or Melanaus who have been converted to Islam and so to the Malay way of life. Some have come from parts of Indonesia, some from Brunei, and some from Arab countries.

(Joan Rawlin, 1972: 162)

Berdasarkan pernyataan oleh Joan Rawlin (1972), nama Melayu menunjukkan hubungan erat dengan Malaya, iaitu masyarakat yang telah ada di Tanah Semenanjung. Pernyataan tersebut menjelaskan bahawa kebanyakan penduduk yang ada di Sarawak terdiri daripada orang asli, Dayak Tanah, Dayak Laut atau orang Melanau yang telah berubah menjadi Islam kerana menganut agama Islam maka dikenali sebagai Orang Melayu. Kebanyakan penduduk datang dari Indonesia dan beberapa buah negara Arab.

Walker (1995, 84), turut menjelaskan sejarah orang Melayu Sarawak:

It is disputed no longer, however that the Sarawak Malay community originated principally in the conversion of pagan Dayaks to Islam and Malayness through the well documented process. "masuk Melayu". As Zainal Keling has Explained, the Malay community ia a social space. This process was observed by Europeans throughout the nineteenth century. James Brook recorded that many of the Lundu Iban had converted to Islam around 1839.

(Walker, 1995: 84)

Kebanyakan masyarakat Melayu Sarawak merupakan penduduk asli yang berasal daripada orang Dayak. Apabila menganut agama Islam maka proses ini dipanggil "Masuk Melayu" yang sekali gus meletakkan masyarakat ini menjadi orang Melayu Sarawak atau suku Melayu Sarawak. Pemerintahan James Brooke sebenarnya banyak memainkan peranan dalam pembentukan masyarakat Melayu ini serta zaman pemerintahan Brooke membuktikan bahawa ramai Iban yang tinggal di Lundu menganut agama Islam sekitar pada tahun 1839. Di kawasan Kuching, penduduknya dipercayai datang daripada beberapa tempat di Sumatera. Penempatan di sepanjang sungai Sarawak misalnya, terdapat beberapa buah kampung yang diberikan nama sempena nama tempat di Sumatera. Misalnya, mereka yang tinggal di kawasan Kampung Gersik, Kampung Surabaya dan Kampung Boyan.

Menurut Madzhi Johari (1988), orang Melayu di Kuching sendiri, apabila menyusur galurkan asal-usul diri, mereka mengaku berasal daripada Kepulauan Sumatera, Pulau Jawa dan Johor. Beliau turut menjelaskan sejarah asal-usul orang Melayu Kuching yang bermula dengan kisah seorang tokoh daripada Jawa bernama Adipati iaitu anak seorang Raja Jawa yang telah mengembara di kawasan Johor, Selangor, Sambas, Sukadina dan Sarawak. Dalam pengembaraan itu, Adipati telah berkahwin dengan Dang Suri atau Dayang Suri atau permaisuri anak Raja Johor yang bergelar Datuk Undi atau Raja Jarum.

Menurut ceritanya, secara kebetulan setelah perahu Adipati dipukul ribut maka Adipati singgah di Santubong, sebuah perkampungan nelayan di muara sungai Sarawak dalam daerah Kuching sekarang. Di Santubong, Adipati dikatakan menjadi penghulu dan dialah penabur benih orang Melayu di Kuching. Awang Azman Awang Pawi (2014), menjelaskan bahawa asal-usul Melayu Sarawak ialah daripada kepulauan alam Nusantara. Melayu Sarawak terbina daripada rumpun alam Melayu Nusantara yang mempunyai sumber kedatangan yang lebih pelbagai dan perlu dilihat dalam konteks kewujudan serta diberikan interpretasi daripada aspek kebudayaan Nusantara yang lebih luas. Selain itu, masyarakat Melayu Sarawak mempunyai kelainan dengan Melayu di Semenanjung Malaysia daripada pelbagai aspek. Perkara yang dominan sekali ialah keluwesannya Melayu Sarawak dalam menyesuaikan diri mereka terhadap perkembangan zaman semasa.

Berdasarkan geografi pula, Sarawak merupakan negeri yang terbesar di Malaysia, iaitu kira-kira 38 peratusan daripada keluasan negara ini. Luas kawasannya ialah kira-kira 124, 440 kilometer atau 48, 050 batu persegi. Sarawak menganjur daripada Tanjung Datu di Bahagian Pertama hingga ke sempadan negeri Sabah di bahagian Kelima. Lebar maksimum kawasannya ialah kira-kira 275 kilometer dan panjangnya pula ialah 740 kilometer (Hamid Bugo, 1984).

Sejumlah besar kawasan negeri Sarawak masih diliputi hutan. Secara umumnya, kawasan tanah di Sarawak dapat dibahagikan kepada tiga bahagian (Jabatan Penerangan Sarawak, 1983) iaitu:

1. kawasan pergunungan
2. kawasan persisiran berpaya
3. kawasan tanah yang beralun

Dengan kenyataan yang dijelaskan berkaitan asal Melayu Sarawak dan juga demografi tempat ternyata, masyarakat Melayu Sarawak sebenarnya sangat kaya dengan aktiviti-aktiviti kesenian yang berteraskan adat dan budaya. Selain sastera rakyat, lagu tradisi dan pelbagai permainan rakyat juga popular dalam masyarakat Melayu Sarawak iaitu bermukun. Bermukun sebenarnya khazanah budaya dan kesenian yang diwarisi oleh masyarakat Melayu Sarawak daripada nenek moyang mereka sejak zaman berzaman lagi. Aktiviti ini unik dan menarik kerana mempunyai keistimewaan yang tersendiri iaitu sebagai aktiviti bersuka ria.

Menurut Abang Seruji Abg Muhi (2014), bermukun membawa maksud berpantun iaitu pantun yang digunakan semasa bermukun. Bermukun tidak dapat dipisahkan dengan pantun kerana saling berkait antara satu sama lain. Tanpa pukulan gendang maka pantun tidak akan dapat disampaikan oleh Seh Gendang kerana pantun yang digunakan semasa bermukun ialah pantun yang dihafal semenjak Seh Gendang mula belajar bergendang. Kebiasaannya semasa bermukun, kaum wanita akan ditempatkan di sebalik tabir (langsir atau kain batik), iaitu sempadan yang memisahkan lelaki dan wanita. Mereka duduk sejajar atau kelompok secara berselerak mengikut keselesaan masing-masing. Kebiasaannya bermukun tidak akan bermula tanpa adanya Seh Gendang. Seh Gendang merupakan kalangan wanita yang duduk di sebalik tabir yang terdiri daripada dua atau tiga orang yang berperanan memukul gendang sambil berpantun.

Bermukun boleh disampaikan dalam beberapa irama contohnya Labuan, Syamsudin, Asam Payak, Cinta Beraie, Mendam Beraie, Bercerai Kasih, Lela Majnun, Tajuk Muluk, Ngendong Anak, Anak Derhaka dan banyak lagi yang mempunyai makna tersirat dan tersurat yang tersendiri. Kebanyakan irama ini disampaikan mengikut kehendak pendengar yang menyewa kumpulan Seh Gendang dan ahlinya.

Acara bermukun sangat sinonim dengan majlis perkahwinan, menerima kehadiran orang-orang besar ataupun keramaian. Kebiasaannya, kebanyakan masyarakat Melayu Sarawak dahulu lebih gemar mengadakan bermukun semasa majlis perkahwinan. Acara ini dijalankan semasa majlis perkahwinan kerana dapat berhibur. Bermukun dipersembahkan semasa menunggu pasangan pengantin bersiap mahupun tiba ke pelamin. Pemukul gendang ialah terdiri daripada dua orang wanita. Mereka akan memulakan pukulan gendang setelah gesekan biola dan bunyi akordion berkumandang. Setiap pukulan gendang itu disesuaikan dengan irama dua alat muzik yang terdahulu.

Selain bergendang, acara menopeng turut dipersembahkan dalam bermukun. Istilah ini wujud kerana kehendak golongan yang meminati persembahan ini pada suatu ketika dahulu. Menopeng ini bermaksud bermain topeng. Pada ketika dahulu, penari ini merupakan penari lelaki dan mereka dikehendaki memakai topeng ketika menari mengikuti alunan Seh Gendang. Mereka akan memakai kain batik atau kain pelikat untuk menutup muka mereka ketika menari. Namun, pada masa sekarang menopeng kurang diadakan (Abang Patdeli Abang Muhi, 2009). Penari akan menari mengikut rentak alunan Seh Gendang tanpa menutup muka mereka.

Elemen penting semasa bermukun ialah bertandak. Bertandak bermaksud menari sambil memakai topeng. Mereka memakai topeng kerana ada sesetengah penari yang tidak biasa menari dan berasa malu untuk menunjukkan wajahnya dan juga menyembunyikan identiti agar tidak diketahui oleh penonton yang lain. Penari atau penopeng ini hanya akan dapat melihat Seh Gendang atau anak dara di sebalik kain yang menutupi wajah dan badan mereka. Penari yang tidak malu tidak berasa segan, akan menari secara terbuka tanpa menutup wajah dan badan mereka. Semasa bermukun, irama lagu yang sering digunakan ialah irama yang bersesuaian dengan kehendak tuan rumah. Bagi masyarakat Melayu Sarawak, pantun yang digunakan dalam bermukun sangat berkait rapat dengan kehidupan masyarakat ketika itu. Namun demikian, ada dalam kalangan mereka telah menyalahgunakan acara bermukun ini. Hal ini kerana ada sebahagian individu yang menggunakan Gendang Melayu atau bermukun ini sebagai jerat mahupun maksiat. Isu ini telah menjadi sindiran dalam novel karya Mohamad Rakawi, iaitu *Melati Sarawak* yang diterbitkan pada 1932 di Kuching.

Dalam karya beliau mengatakan tentang kelonggaran akhlak mereka yang bermain Gendang Melayu ini. Pandangan yang diberikan ini menimbulkan konflik dalam kalangan golongan bangsawan. Mereka yang menggemari persembahan ini telah menggunakan topeng untuk menyembunyikan wajah mereka untuk memenuhi kehendak semasa ketika itu (Ab. Samad Kechot, 2017).

Berdasarkan penerangan yang berkaitan, ternyata aktiviti bergendang atau bermukun ini hanya diadakan untuk berhibur dan bersuka ria. Pantun yang digunakan juga sarat dengan mesej dan makna yang tersendiri sebagai proses mendidik dan menegur masyarakat terutama golongan muda. Dengan ini, secara tidak langsung, majlis dan aktiviti yang diadakan ini menjadi acara wajib dibuat dan ditunggu-tunggu pada zaman dahulu kerana tiada saingan daripada hiburan lain. Pada masa inilah, mereka berpeluang dan dapat melihat serta mengenali gadis-gadis idaman mereka dari jarak dekat. Detik ini merupakan kesempatan terbaik untuk jejaka kampung mencari teman hidup apatah lagi pada zaman dahulu anak-anak gadis kampung jarang keluar daripada rumah. Secara tradisinya, apabila mereka berkenan dan memberitahu keluarga untuk merisik, bertunang seterusnya berkahwin. Bergendang atau bermukun mempunyai pantang larangnya yang tersendiri. Bermukun tidak diadakan pada malam Jumaat, bulan Ramadan, Nisfu Syaaban, dan Israk Mikraj sebagai menghormati malam mulia dalam Islam. Majlis bergendang dan bermukun juga akan dihentikan seandainya ada saudara mara dalam kampung atau kampung berdekatan meninggal dunia, sakit tenat atau lain-lain. Hal ini menunjukkan bahawa adanya nilai menghormati agama dan juga masyarakat dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Biasanya bermukun diadakan sepanjang malam dan apabila azan subuh berkumandang maka aktiviti akan dihentikan secara serta-merta (Awang Azman Awang Pawi, 2014).

Hakikatnya, bermukun telah mula bertapak di bumi Sarawak sejak abad ke-18 sebelum bermula pemerintahan Raja Putih atau lebih dikenali zaman era Brooke. Namun begitu, lagu-lagu gendang Melayu tidak diketahui siapa penciptanya dan dengan yang demikian maka lagu ini menjadi milik masyarakat Melayu Sarawak (Abang Seruji Abg Muhi, 2014). Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa lagu-lagu ini berasal daripada lagu-lagu Arab dan India. Di sudut lain pula, ada yang berpendapat lagu-lagu tersebut dibawa dari Pulau Borneo oleh saudara rumpun iaitu Indonesia.

Oleh kerana tidak ada sejarah jelas dan sahih tentang bermukun, maka masyarakat Sarawak terus memegang budaya ini sebagai budaya mereka dan dijadikan salah satu acara penting pada ketika dahulu (Abang Patdeli Abang Muhi, 2009). Irama pantun yang ada dalam bermukun mempunyai keunikan dan peranan yang tersendiri malah bahasa yang disampaikan mempunyai

mesej yang jelas untuk mendidik dan menegur seseorang secara sopan. Selain itu, gendang Melayu ini wujud untuk mendidik budaya berbahasa dalam kalangan masyarakat di samping untuk membimbing akhlak positif masyarakat pada masa itu (Mohd Fauzi Abdullah, 2004).

1.2 Pernyataan Masalah

Kemalapan persembahan bermukun dalam masyarakat Melayu pada masa ini menjadi pendorong pengkaji menjalankan kajian berkaitan dengan pantun yang digunakan semasa bermukun. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas sekitar awal tahun 90-an sehingga kini kebanyakannya memfokuskan kepada makna dalam pantun, peranan pantun dan juga nilai murni dalam masyarakat. Bagi memenuhi kekurangan kajian-kajian lepas, maka pengkaji lebih menasarkankan kajian berkaitan aspek bahasa yang belum disentuh secara lebih mendalam. Hal ini disokong oleh Abang Patdeli Abang Muhi (2009) yang menyatakan bahawa kosa kata terutama dialek Melayu Sarawak semakin kurang digunakan dan tidak diketahui oleh generasi muda. Rentetan daripada pernyataan tersebut, bermukun juga mengalami permasalahan yang sama iaitu tidak diketahui tentang kewujudannya terutama oleh generasi muda pada hari ini. Dalam masa yang sama, aspek bahasa yang berkaitan dengan nahu terutama morfologi juga tidak diberi perhatian yang sewajarnya dan juga terdapat beberapa kekurangan kosa kata dalam bermukun. Situasi ini juga turut dinyatakan oleh Abang Seruji Abang Muhi (2014), banyak kosa kata asal dalam bermukun semakin kurang digunakan kerana dipengaruhi oleh dialek atau bahasa lain yang menyebabkan identiti sebenar bermukun hilang dan tidak ada keaslian. Kajian berkaitan morfologi ini penting untuk memastikan dialek Sarawak kekal digunakan dan terus dipelihara serta dipulihara oleh generasi pada hari ini.

Menurut Fatimah Subet (2017), pemilihan dan penggunaan bahasa dalam masyarakat Melayu Sarawak selalu dikaitkan dengan tanggapan negatif oleh segelintir masyarakat Melayu Sarawak terutama generasi tua yang sangat menitikberatkan kehalusan dan etika semasa bermukun dilakukan oleh mereka. Generasi tua masyarakat Melayu Sarawak terkenal dengan sikap suka berselindung apabila berkata-kata. Tambah beliau lagi, orang Melayu Sarawak mempunyai beberapa peraturan yang harus dipatuhi apabila acara bermukun berlangsung. Oleh sebab itu, pemilihan dan penggunaan kata yang terdapat dalam bermukun perlu dijaga mengikut kesesuaian pendengar semasa bermukun dengan menggunakan strategi yang sesuai misalnya, strategi untuk mengatakan cinta dan kasih sayang, mengawal nafsu dan berbuat kebaikan.

Di samping itu, makna tersirat dan tersurat yang terkandung dalam pantun semasa bermukun juga tidak difahami oleh masyarakat terutama dalam kalangan generasi muda. Hal ini akan menyebabkan bermukun kurang diminati dan seterusnya mengalami kepupusan apabila semakin tidak diberi perhatian. Berdasarkan kajian lapangan, pengkaji mendapati masyarakat Melayu Sarawak lebih terarah kepada persembahan nyanyian berbanding bermukun yang sebelum ini lebih kerap digunakan dalam majlis-majlis tertentu. Menurut Nani Kahar (2015), perkara ini akan menyebabkan identiti yang ada dalam masyarakat Melayu Sarawak hilang tanpa diketahui oleh generasi akan datang. Oleh itu, untuk memastikan budaya ini dapat dilestarikan, aktiviti bermukun hendaklah terus diamalkan bagi kelangsungan budaya dan bangsa Melayu Sarawak. Identiti ini penting dalam menonjolkan jati diri sebenar masyarakat Melayu Sarawak untuk diketahui oleh masyarakat luar. Identiti masyarakat Melayu Sarawak melalui aktiviti bermukun tidak dimiliki oleh mana-mana masyarakat lain termasuk keunikan yang terdapat dalam makna PMS yang banyak berperanan untuk mendidik masyarakat agar lebih beretika dan bermoral (Hazami Jahari , 2012).

Secara keseluruhannya, permasalahan yang dinyatakan sangat memberi kesan kepada masyarakat Melayu Sarawak sekiranya tidak dibendung dan dilestari tanpa sebarang tindakan yang sewajarnya oleh pihak bertanggungjawab di Sarawak dan negara ini. Jika budaya bermukun hilang, maka khazanah berharga masyarakat Melayu Sarawak akan turut lenyap.

1.3 Persoalan kajian

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk menjawab persoalan yang berikut;

- 1 Apakah aspek bahasa yang terdapat dalam bermukun Melayu Sarawak?
- 2 Apakah implikatur dalam lirik lagu bermukun Melayu Sarawak?
- 3 Apakah aspek falsafah yang dominan dalam bermukun Melayu Sarawak?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian yang hendak dicapai ialah;

1. membincangkan aspek bahasa dalam bermukun Melayu Sarawak.
2. menganalisis implikatur dalam lirik lagu bermukun Melayu Sarawak.
3. merumuskan aspek falsafah yang dominan dalam bermukun Melayu Sarawak.

1.5 Kepentingan Kajian

Bahagian ini membincangkan kepentingan kajian ini kepada masyarakat, individu, seh gendang dan pihak kerajaan.

1.5.1 Kepentingan kepada masyarakat

Kajian ini sangat memberikan manfaat kepada masyarakat Melayu Sarawak di samping dapat mengekalkan identiti yang ada dalam masyarakat tersebut. Keunikan yang ada dalam bermukun merupakan satu nilai budaya yang harus dikekalkan untuk menjadi tontonan masyarakat luar. Menurut Mohd Fauzi Abdullah (2004), bermukun ini perlu terus diamalkan oleh generasi muda dan menjadi khazanah berharga peninggalan nenek moyang etnik Melayu Sarawak. Keadaan bermukun yang semakin terpinggir seharusnya diberikan jalan penyelesaian yang terbaik oleh masyarakat untuk memastikan bahawa terus berkekalan. Selain itu, bermukun juga mampu menjadi sumber rezeki yang mempunyai nilai kebudayaan yang tinggi dan salah satu riadah masyarakat yang dapat membentuk hubungan yang baik dalam masyarakat kampung.

Menurut Hazami Jahari (2012), PMS ialah khazanah yang bernilai kepada masyarakat dan sewajarnya terus dipertahankan untuk santapan generasi yang akan datang. Pendapat ini menjadi pendorong agar budaya bermukun dan pantun yang digunakan semasa bermukun akan terus digunakan dengan sebaiknya dan kekal dalam darah daging masyarakat Melayu Sarawak. Selain itu, kajian yang dijalankan ini juga dapat menambahkan lagi koleksi kajian yang berkaitan bermukun dan membuka tirai untuk menyegarkan semula acara ini dalam kalangan masyarakat pada masa akan datang.

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pengkaji-pengkaji yang lain untuk menjadi bahan rujukan dan panduan. Selain itu, keaslian penggunaan dialek Melayu dalam PMS dapat terus dikekalkan dan tidak ditukar kepada bahasa Melayu standard untuk mempertahankan keaslian dan jati diri sebenar Melayu Sarawak.

Di samping itu, pantun yang digunakan mempunyai bahasa yang berbeza dengan pantun Melayu biasa, bermukun juga salah satu budaya yang wajar menjadi salah satu hiburan yang sewajarnya kekal untuk generasi yang akan datang. Penggunaan dialek Melayu Sarawak dalam pantun merupakan keunikan yang tidak ada kepada bangsa lain. Keunikan yang ada dalam PMS hendaklah diketengahkan kepada masyarakat luar bahawa masyarakat Melayu Sarawak mempunyai jati diri yang tersendiri dan perlu dikekalkan sehingga pada masa akan datang. Sewajarnya, keistimewaan bermukun terus ditonjolkan kepada masyarakat luar kerana Sarawak merupakan salah sebuah negeri yang menjadi tarikan pelancong dalam dan luar negara. Selain itu, bahasa yang ada dalam masyarakat Melayu Sarawak sewajarnya dapat dikuasai dan digunakan ke peringkat yang lebih tinggi kerana memiliki ciri dan kehebatan tersendiri.

Menurut Abang Patdeli Abang Muhi (2009), aspek penyampaian bahasa dalam PMS semasa bermukun juga sangat bermakna. Keaslian bahasa yang digunakan menjadi daya penarik dan bahan yang berkaitan sewajarnya diterbitkan dan dijadikan acara wajib dalam majlis-majlis tertentu khasnya majlis perkahwinan dan menerima tetamu kehormat. Penggiat bermukun sekali gus dapat menjadikan bermukun salah satu sumber rezeki kepada mereka sebagai usaha membantu ekonomi secara tidak langsung. Bermukun biasanya dijalankan semasa majlis keramaian yang melibatkan ramai orang sama ada muda ataupun tua dan perkara ini sudah pasti akan mewujudkan perhubungan yang baik dan sekali gus dapat mewujudkan sikap bergotong-royong dalam masyarakat. Tabiat ini sangat penting sebagai salah satu cara melahirkan perpaduan dalam masyarakat Melayu Sarawak amnya dan masyarakat lain khasnya kerana penduduk di Sarawak terdiri daripada berbilang bangsa. Pemugaran acara bergendang dan bermukun juga dapat mengeratkan lagi ikatan persaudaraan dalam masyarakat yang dapat membentuk perpaduan.

1.5.2 Kepentingan kepada individu

Bahagian ini menjelaskan kepentingan kajian ini kepada generasi muda dengan bermukun di Sarawak.

1.5.2.1 Kepentingan kepada generasi muda

Menurut Senang Kahar (2015), salah seorang responden dalam kajian ada juga menyebut tentang ketandusan penggunaan dialek Melayu Sarawak dalam kalangan generasi muda. Keadaan ini sebenarnya membahayakan kedudukan dialek Melayu Sarawak yang berisiko mengalami kepupusan. Atas sebab itu, dengan adanya kajian berkaitan PMS secara tidak langsung dapat mempertahankan keunikan dan keasliannya terutama untuk generasi muda. Kegemilangan bermukun sewajarnya dikekalkan untuk memastikan bahawa identiti tersebut terus kekal. Menurut beliau lagi, sejak kebelakangan ini telah ada anak-anak muda yang cuba berjinak untuk belajar berpantun, memukul gendang dan juga bertandak. Kesemua aktiviti tersebut merupakan elemen penting dalam bermukun.

Nani Kahar (2015) mengatakan bahawa budaya bermukun perlu dikekalkan supaya generasi muda akan lebih mengetahui dialek Melayu Sarawak dengan lebih mendalam. Selain dapat 'membuka mata dunia' tentang kewujudan bermukun, dan berusaha untuk mengekalkan bermukun ini di peringkat tempatan dan antarabangsa. Di samping itu, generasi muda juga akan mengetahui dialek Melayu Sarawak yang sekarang semakin banyak mengalami kepupusan kosa kata kerana berlakunya pengaruh bahasa yang lain seperti bahasa Iban, dan Bidayuh. Penggunaan pantun dalam dialek Melayu Sarawak merupakan keunikan bermukun dan diharapkan agar dapat mengekalkan budaya ini semasa majlis perkahwinan, majlis berkhatan dan sebagainya agar terus dikenali (Chong Sin, 2015).

Seterusnya, nilai dan pengajaran yang ada dalam bermukun secara tidak langsung dapat mendidik generasi muda agar mengamalkan sikap murni yang sesuai. Mesej yang disampaikan dalam bermukun, sarat dengan makna yang sangat besar terutama dalam pembentukan peribadi yang mulia (Fatimah Subet, 2017). Pengucapan dan makna yang ada dalam pantun sememangnya akan mampu mendidik generasi muda dan generasi yang akan datang tentang kepentingan bermukun ini dalam masyarakat. Selain itu, generasi muda sekarang kebanyakannya telah mempunyai tahap pendidikan yang baik dan koleksi PMS boleh dibukukan atau didokumentasikan sebagai rujukan generasi akan datang. Sudah pasti, langkah ini dapat membantu generasi

muda mendapat sumber kewangan di samping mempertahankan keunikan yang ada dalam bermukun.

1.5.2.2 Kepentingan kepada Seh Gendang

Menurut Abang Seruji Abang Muhi (2014), Seh Gendang merupakan orang yang memainkan peranan yang sangat penting semasa bermukun. Kebanyakan pantun yang diperdengarkan semasa bermukun ialah pantun yang telah mereka hafal dan pelajari daripada nenek moyang mereka semenjak mereka remaja lagi. Secara tidak langsung, mereka menjadikan pantun dalam bermukun sebagai sumber kewangan atau sumber rezeki. Kajian yang dijalankan ini secara tidak langsung, dapat memperkenalkan semula kewujudan Seh Gendang dalam masyarakat. Mereka sudah tidak lagi dikenali dan semakin kekurangan kerana kebanyakan yang mengetahui bermukun ialah orang yang telah berusia lingkungan dalam umur 60 hingga 80 tahun.

Hal ini diakui oleh Nani Kahar (2015), menjelaskan bahawa mereka mendapat sumber kewangan dengan bermukun. Sekiranya, mendapat banyak undangan bermukun maka mereka boleh menyara ahli keluarga. Secara tidak langsung, dengan 'membangkitkan' semula bermukun maka sumber kewangan mereka akan terjamin semula. Tetapi oleh kerana acara bermukun semakin kurang mendapat perhatian dalam masyarakat, maka sumber kewangan mereka semakin berkurangan dan hanya bergantung kepada kerja-kerja kebun atau kerja-kerja kampung sahaja.

1.5.2.3 Kepentingan kepada pihak kerajaan

Kajian ini juga sekali gus dapat memberikan kelebihan kepada pihak kerajaan Sarawak contohnya bahagian kesenian dan kebudayaan untuk memperkenalkan lagi budaya ini kepada masyarakat. Keunikan masyarakat Sarawak ialah budaya yang ada dalam masyarakat berbilang kaum. Menurut Abang Seruji Abang Muhi (2014), pihak kesenian dan kebudayaan kebelakangan ini telah mula berjinak-jinak untuk memperkenalkan semula budaya bermukun. Namun pada pandangan beliau lagi, perkampungan Budaya Sarawak yang terletak di Santubong belum lagi memperkenalkan bermukun dalam persembahan mereka. Ada kemungkinan kajian ini dapat membuka ruang kepada pihak kerajaan agar menjadikan bermukun salah satu acara wajib yang perlu dipertontonkan kepada pihak pelancong yang datang ke Kampung Budaya Sarawak. Keunikan yang ada semasa bermukun sepatutnya diketahui oleh sesiapa sahaja yang berkunjung ke Sarawak. Kegiatan seperti ini, boleh menjadi salah satu acara wajib yang perlu dibuat sekiranya ada tetamu-tetamu dari luar negara. Secara tidak langsung, usana ini

dapat mengekalkan bermukun di hati masyarakat Melayu Sarawak sekali gus kepada masyarakat luar.

1.6 Batasan Kajian

Batasan kajian ini terhad kepada 130 rangkap pantun yang diperolehi semasa kajian yang dilakukan oleh pengkaji dengan empat orang responden iaitu Neli Kam, Nani Kahar, Rakyat Ahmad dan Senang Kahar. Kesemua responden berasal daripada Kampung Jaie, Kota Samarahan dan sering mengikuti bermukun bersama-sama semenjak mereka remaja lagi. Mereka merupakan penggiat bermukun yang masih aktif dan masih menyimpan pantun yang digunakan semasa bermukun secara hafalan. Kajian lapangan ini telah dilakukan pada 15 Disember 2015 dan 6 Disember 2018. Pengkaji bermalam selama seminggu di rumah Seh Gendang untuk menyalin semua 130 rangkap pantun tersebut kerana pantun yang diperolehi tidak pernah didokumentasikan dalam mana-mana bentuk penerbitan. Pengkaji menggunakan pantun ini kerana ingin menjaga atau melindungi keaslian yang ada dalam pantun tersebut. Hanya 130 rangkap pantun yang mampu diberikan oleh Seh Gendang terlibat kerana berlakunya pengaruh umur dan daya ingatan yang berkurangan untuk mengingat pantun-pantun selebihnya.

Kemudian, pantun ini dianalisis berdasarkan Teori Relevan (TR) dan Teori Falsafah Bahasa (TFB) yang menekankan tentang makna tersurat dan tersirat dalam pantun dan juga bahasa yang digunakan dalam pantun ialah bahasa yang mudah difahami dan relevan dengan budaya masyarakat Melayu Sarawak.

1.7 Definisi Operasional

Bahagian ini memberi definisi aspek bahasa dalam bermukun Melayu Sarawak dan bermukun Melayu Sarawak

1.7.1 Aspek bahasa dalam bermukun Melayu Sarawak

Bahasa biasanya digunakan oleh individu untuk mengatakan hasrat dan pengalaman kepada orang lain. Segala falsafah yang ada dalam diri seseorang disampaikan melalui bahasa, baik daripada aspek yang berkaitan perasaan ataupun maklumat yang ingin dinyatakan kepada orang lain. Tanpa bahasa, kemungkinan perkara yang ingin disampaikan tidak akan menemui jawapan yang tersendiri. Penggunaan bahasa sebenarnya terdapat dalam semua aspek

kehidupan manusia sehari-hari. Melalui bahasa, kebudayaan dapat dibina, dikembangkan dan diturunkan kepada generasi yang akan datang dan ini terbukti dengan pantun yang digunakan semasa bermukun.

Semenjak lahir lagi, manusia mula menggunakan bahasa dalam menyampaikan maklumat dengan nahu yang betul dan maklumat yang sah, di samping mempunyai cara falsafah yang jelas dan disampaikan melalui bahasa. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji Barat seperti Penn (1972), bahasa merupakan falsafah dan falsafah ialah bahasa tetapi falsafah tidak mungkin ada tanpa bahasa.

Menurut Sapir (1949), semua pengalaman manusia dipengaruhi oleh bahasa yang dituturkan oleh mereka. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa menentukan cara falsafah seseorang. Bahasa yang menentukan pembentukan akidah dan juga budi bicara seseorang. Berdasarkan kenyataan Hassan Ahmad (2016), menjelaskan bahawa orang yang tahu bahasa tidak bererti orang itu pakar bahasa atau pakar linguistik atau pakar tatabahasa Melayu, tetapi bererti dia tahu menggunakan bahasa yang betul daripada segi fungsi sosial atau fungsi adat. Menurut beliau lagi, bahasa Melayu merujuk pada "bangsa" juga bererti "jenis orang" atau "individu" atau kelakuan sosial seseorang sebagai anggota dalam masyarakat. Tingkah laku dapat dilihat berdasarkan bahasa yang digunakan dalam konteks perhubungan dan organisasi sosial tertentu. Dalam kajian ini, aspek bahasa yang diberikan perhatian oleh pengkaji ialah aspek morfologi dengan melihat penggunaan pergolongan kata yang ada dalam bermukun.

Keunikan bahasa yang digunakan dalam bermukun ialah penggunaan dialek Melayu Sarawak sepenuhnya walaupun ada kosa kata yang telah dipengaruhi oleh bahasa Melayu standard. Aspek yang dilihat dalam pergolongan kata ialah kata nama, kata kerja, kata adjektif dan juga kata tugas. Penggunaan bahasa yang ada tidak terlalu meluas kerana setiap rangkap mempunyai bahasa yang biasa dikaitkan dengan sikap dan juga keadaan sekeliling. Oleh itu, pengkaji melihat aspek yang berkaitan pergolongan kata dalam menjalankan kajian ini. Kata nama yang biasanya terdapat dalam bermukun ialah kata ganti nama diri *kamek*, *kitak* dan sebagainya lagi. Kata ganti nama diri, kata nama tempat dan juga kata nama am dan kata nama khas.

Selain itu, penggunaan kata kerja juga dikupas dalam bermukun. Kata kerja sememangnya sangat sinonim dan kerap digunakan dalam PMS. Kebanyakan baris rangkap yang ada dalam 130 rangkap PMS menggunakan kata kerja. Selain kata kerja, kata tugas dan kata adjektif juga digunakan dalam bermukun yang menjadikan PMS sebagai mesej kepada pendengar. Kelebihan bahasa yang ada dalam bermukun sebenarnya terletak kepada keunikan bahasanya

yang tersendiri dan tidak banyak menggunakan bahasa Melayu standard. Berdasarkan penelitian pengkaji setelah membandingkan kajian terdahulu, ternyata kajian yang pernah dijalankan oleh Mohd Rashid Md Idris (2012) dipilih secara rasional menjadi panduan pengkaji untuk menganalisis data kerana menggunakan teori yang sama iaitu TFB dalam menjalankan kajian ini.

1. 7. 2 Bermukun Melayu Sarawak

Bergendang dan bermukun merupakan aktiviti yang mempamerkan kebijaksanaan, kemahiran, kecekapan tingkah laku fizikal, dan menguji mental. Gabungan kesemua elemen ini menjadikan bermukun dianggap istimewa kerana penonton sebenarnya seolah-olah sedang menyaksikan pertandingan cetusan minda melalui acara berbalas pantun. Penonton umpama hakim yang sedang menghakimi kalah atau menang seseorang peserta. Kebiasaannya, pertandingan berbalas pantun ini berlaku antara Seh Gendang dengan penopeng. Seh Gendang ialah wanita yang memukul gendang sambil berpantun dan penopeng ialah lelaki yang memakai topeng bertandak (menari) sambil berpantun. Kebiasaannya pukulan Seh Gendang akan memukau semua penonton dengan alunan yang merdu.

Para penonton atau penggemar bergendang akan menilai kehebatan Seh Gendang dengan mendengar lenggok pukulan gendang yang padu sambil pantun yang dijual dan dibeli, mengena dengan pantun si topeng. Dalam bermukun, kebanyakan pantun yang terpilih ialah pantun yang mempunyai nilai dan sindiran tajam yang ditujukan kepada pendengar untuk difahami walaupun dalam bentuk hiburan. Jika pantun yang dijual, dibeli dengan pantun yang tidak relevan, maka penonton dapat mengukur kekalahan pihak Seh Gendang dan penopeng. Hal ini sejajar dengan Mohammad Syawal Narawi (2016), mengatakan bahawa gurauan santun dalam bermukun ialah nilai dan pengajaran yang ingin disampaikan dalam bermukun.

Beliau juga menjelaskan bahawa bermukun sebenarnya ialah majlis yang diadakan secara bersuka ria, terutamanya untuk golongan muda-mudi. Pada zaman dahulu, bermukun ialah cara terbaik untuk mencari jodoh, berkenalan, sambil berhibur. Kebanyakan, anak dara dan teruna pada zaman dahulu, kurang keluar rumah kerana kawalan daripada ibu bapa dan hanya keluar semasa bermukun sahaja. Falsafah dan budi bahasa sangat dijaga oleh masyarakat Melayu dahulu agar maruah sentiasa terjaga di samping menjaga pegangan agama yang menghalang hubungan bebas antara lelaki dan perempuan.

Seterusnya, gendang Melayu atau bermukun ini wujud dan dijadikan hiburan oleh masyarakat Melayu pada masa dahulu. Selain itu, aktiviti ini juga bertujuan untuk menegur atau memberikan nasihat kepada masyarakat melalui pantun dan irama lagu. Setiap irama lagu yang dimainkan memberikan makna yang tersendiri. Gendang Melayu ini wujud untuk mendidik budaya berbahasa dalam kalangan masyarakat di samping dapat membentuk dan mendidik akhlak masyarakat pada masa tersebut.

Tidak dapat dinafikan, bermukun atau bergendang merupakan salah satu tradisi untuk orang-orang Melayu yang diwarisi dari zaman nenek moyang atau sejak lebih seabad yang lalu dan masih dipertahankan sehingga ke hari ini. Acara bermukun merupakan penyeri majlis perkahwinan masyarakat Melayu dahulu kala. Lazimnya, bermukun diadakan pada sebelah malam sebelum pasangan pengantin bersanding.

Acara unik ini mempunyai ciri khas tersendiri iaitu semasa bermukun sedang berlangsung, kaum wanita ditempatkan di sebalik tabir yang merupakan sempadan yang memisahkan lelaki dan wanita. Lelaki pula akan duduk sejajar atau kelompok secara berselerak mengikut keselesaan masing-masing di luar tabir. Namun begitu, terdapat ruang di bahagian tengah yang merupakan gelanggang tarian. Wanita yang duduk di sebalik tabir dikenali sebagai Seh Gendang atau tukang gendang yang berperanan memukul gendang dan berpantun. Kaum lelaki berperanan sebagai penggesek biola atau pemain akordion mengiringi Seh Gendang. Irama yang dimainkan oleh penggesek biola atau pemain akordion itulah yang menjadi ikutan Seh Gendang ketika berpantun atau bermukun. Bermukun bermula apabila Seh Gendang dan penggesek biola mengalunkan irama tanpa pantun.

Ketika inilah, kaum lelaki yang memakai topeng atau dikenali sebagai penopang akan menari secara bergilir-gilir dengan pasangan masing-masing. Aktiviti menari ini lebih dikenali sebagai bertandak atau menopeng dalam kalangan masyarakat Melayu tempatan. Pada masa inilah, acara berbalas pantun diadakan yang terlibat dalam bermukun. Acara ini selalunya berlangsung sepanjang malam hinggalah ke subuh mengikut kemampuan Seh Gendang dan topeng. Kalau dahulu acara bermukun hanya sebagai penyeri majlis perkahwinan, kini ia telah mula dikomersialkan atau diangkat sebagai penyeri majlis mega dan majlis rasmi.

Jika dahulu hanya dikuasai oleh warga emas yang kebanyakannya dalam usia 50-an dan 60-an, kini sudah ada segelintir warga muda yang sudah mula mempelopori acara bermukun. Bermukun ini juga diadakan pada waktu malam setiap kali selepas kenduri doa selamat, bercukur rambut, pindah ke rumah baharu, berkhatan, lawatan menantu baharu, mendapat laba atau anak

baharu dan menerima tetamu baharu. Apabila majlis doa selamat atau berzikir diadakan pada sianginya dan lebih dihadiri oleh orang-orang tua serta hanya sebilangan kecil orang muda yang terlibat. Oleh yang demikian, majlis bergendang diadakan pada sebelah malamnya, khusus untuk muda-mudi dan bertujuan untuk melepaskan rasa letih dan tegang setelah bertungkus-lumus mengendalikan majlis kenduri pada waktu sianginya.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan bermukun, pengkaji berpegang kepada pandangan dan kajian yang pernah dijalankan oleh Abang Patdeli Abang Muhi (2009) dan Mary Fatimah Subet (2017) kerana kajian tersebut paling bersesuaian dengan kajian pengkaji.

1.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Bab 1 menjelaskan tentang bermukun dan pantun yang digunakan dalam bermukun. Selain itu, aspek yang berkaitan keunikan pantun dalam masyarakat juga dijelaskan dalam bab ini. Pantun sememangnya telah sebatu dalam diri masyarakat dan sering digunakan semasa majlis perkahwinan, merisik, bertunang dan sebagainya. Keunikan yang ada dalam pantun menyebabkan pantun terus dikenali dan diberikan keutamaan dalam sesuatu acara atau majlis. Hal ini berbeza dengan PMS yang digunakan semasa bermukun.

Selain penjelasan tentang bermukun, PMS juga dikaitkan dengan gendang Melayu yang popular di Sarawak pada suatu ketika dahulu. Selain itu, aspek yang diperkenalkan juga berkaitan keunikan bermukun dan budaya tersebut dalam masyarakat Melayu Sarawak. Dengan budaya masyarakat Melayu Sarawak yang mengamalkan bermukun sebagai hiburan menarik minat pengkaji untuk menjalankan kajian yang berkaitan. Setiap bahasa yang digunakan dan cara falsafah yang diamalkan menunjukkan cara masyarakat Melayu mendidik masyarakatnya agar sentiasa menjaga adab dan perhubungan antara satu sama lain. Perkara ini yang menjadi fokus pengkaji terutama penggunaan PMS dalam bermukun.

Masyarakat Melayu Sarawak sebenarnya sangat unik dan mempunyai keaslian yang tersendiri dan perlu diturunkan kepada generasi yang akan datang. Keunikan ini membezakan kebudayaan yang ada di Sarawak dan di Semenanjung Malaysia atau negeri yang lain. Keunikan bahasa semasa bermukun perlu diketahui oleh masyarakat luar. Dialek Melayu Sarawak sebenarnya sukar disebut namun tidak susah untuk difahami dan boleh dipelajari. Penggunaan bahasa yang berbeza dengan pantun yang lain serta

bermukun sememangnya perlu dikekalkan untuk memastikan bermukun dan PMS tidak ditelan zaman.



BIBLIOGRAFI

- A. Zaidi Nordin. (2012). Evolusi bahasa Melayu Sarawak. *Dewan Bahasa*, 12 (9), 44 - 46.
- Ab Razak Ab Karim & Nurul Ain Alizuddin. (2015). *Analisis ayat majmuk pancangan bahasa Melayu dalam pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ab Razak Ab Karim & Nurul Ain Alizuddin. (2016). *Pantun Melayu: Ayat majmuk gabungan bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ab Samad Kechot. (2017). *Komunikasi sosial dalam kalangan etnik di Lembangan Sadong: Gendang Melayu Sarawak*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abang Patdeli Abang Muhi. (2009). Bergendang dan bermukun suatu bentuk pemugaran sastera lisan dalam masyarakat Melayu Sarawak. In. *Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu X : Kesusasteraan Melayu dalam Rentas Ilmu*, 18 & 19 November 2009 (pp.332-351). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abang Patdeli Abang Muhi. (2014). Tatacara sapaan dan adab berbudi Melayu Sarawak. In. Awang Azman Awang Pawi (Eds.), *Wajah Melayu Sarawak: Rampaian Ilmu Budaya* (pp. 140-168). Kuching: Universiti Malaysia Sarawak.
- Abdullah Yusof & Fazilah Saadon. (2013). Kajian semantik: Peribahasa berunsurkan haiwan (Kambing). In. *Penyelidikan Bahasa Melayu* (pp. 19-40). Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdullah Yusof. (2009). *Semantik dan pragmatik bahasa Melayu*. Rawang : Pustaka Salam.
- Abg Patdeli Abg Muhi. (2014). Ungkapan tradisional masyarakat Melayu Sarawak. In. Awang Azman Awang Pawi (Eds.), *Wajah Melayu Sarawak: Rampaian Ilmu Budaya* (pp. 169-186). Kuching: Universiti Malaysia Sarawak.
- Abg Seruji Abg Muhi & Hajah Sarbanum Marican. (2004). *Himpunan pantun Melayu Sarawak (Tema: Percintaan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abg Seruji Abg Muhi. (2014). Nilai - nilai murni dalam pantun Sarawak. *Jendela Sarawak*, 34, 6 - 7.

- Abu Hassan Sham. (2006). Pandangan semesta orang Melayu berdasarkan gurindam. In. Rogayah A. Hamid & Jumaah Ilias (Eds.), *Pandangan Semesta Melayu: Pantun* (pp. 227-240). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aida Qamariah Ishak, Salinah Ja'afar & Ahmad Ramizu Abdullah. (2018). Pantun kanak - kanak dari perspektif semiotik Riffaterre. *Jurnal Melayu*, 11 (1), 88 - 109.
- Ali Badron. (2006). Pantun sebagai teras sastera lisan klasik daripada sudut penglipur lara. In. Rogayah A. Hamid & Jumaah Ilias (Eds.), *Pandangan Semesta Melayu: Pantun* (pp. 213-226). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alwi Salim. (1983). *Puisi Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Amat Juhari Moain. (2008). *Pemilihan kata dalam pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amat Juhari Moain. (2012). *Bahasa Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Ridhwan. (1996). *Pantun Melayu sebelum 1914: Gambaran alam Semenanjung dalam koleksi Hans Overbeck*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Asep Ahmad Hidayat. (2006). *Filsafat bahasa: Mengungkap hakikat bahasa, makna dan tanda*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Asmah Omar. (1995). *Bahasa kesusasteraan klasik Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Azman Awang Pawi. (2014). Rumusan wajah Melayu Sarawak: Suatu retrospektif. In. Awang Azman Awang Pawi (Eds.), *Wajah Melayu Sarawak: Rampaian Ilmu Budaya* (pp. 313-322). Kuching: Universiti Malaysia Sarawak.
- Chong Sin. (2015). Dialek Melayu di Lembah Sungai Krian: Variasi Melayu Saribas Atau Rejang. *Jurnal Bahasa*, 1, 63 - 77.
- Deli Kesuma, Dwi Widyati Nurlela. (2015). Keterancaman leksikon ekoagraris dalam bahasa Angkola/Mandailing: Kajian ekolinguistik. *Kajian Linguistik*, 1, 54-76.
- Eizah Mat Hussain. (2017). Simbol tumbuhan dalam pantun Melayu bingkisan permata. *Journal of Malay Language, Education and Literature (PENDETA)*, 8, 23 - 35.

- Eka Haryanti. (2019). Karakteristik Kosa Kata Pantun Kelas V Sekolah Dasar dan Implementasi Model Pembelajaran Goncag Kaleng. *Jurnal Tambora*, 3 (1), 13 – 20.
- Faridah Nazir. (2015). Ekoleksikal Padi, Kelambir, Mergat dan Buluh: Kajian Ekolinguistik Bahan Melayu Serdang. *Telangkai Bahasa dan Sastra*, 9, 74 – 89.
- Google Earth. (2018). Peta Kampung Jaie yang menjadi lokasi kajian. Dimuat turun pada 5 Mei 2018, dari <https://earth.app.goo.gl/1UQ8uN>.
- Grice. H. P. (1975). *Logic and Conversation: Syntax and Semantics Volume 3*. New York : Academic Press.
- Hamid Bugo. (1984). *The Economic Development of Sarawak: the Effect of Export Instability*. Kuching: Summer Times Publishing.
- Hashim Musa. (1994). *Falsafah Bahasa Melayu: Beberapa Aspek Kajian*. Jakarta: D. J. Gemilang.
- Hassan Ahmad. (2016). *Bahasa dan Pemikiran Melayu (Pesanan Terakhir Pejuang Bahasa)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hazami Jahari. (2012). *Pantun Mukun Melayu Sarawak: Satu Kajian Kias dan Ibarat*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Ilymy Mulky Muzny, Syafrial & Elmustian. (2019). Tunjuk Ajar Pantun Ulu Jambau Desa Pasir Sialang Kecamatan Bangkinang Kabupaten Kampar. *Jom FKIP*, 6, 1 – 9.
- Jabatan Penerangan Sarawak. (1983). *Sarawak Report 1963 – 1983*. Kuching: Jabatan Penerangan Sarawak.
- Jh.Walker. (1995). *Notes on the use of 'Malay' and 'Abang' in Sarawak*. Kuching : Sarawak Museum.
- Joan. Rawlins (1972). *Sarawak 1839–1968*. United Kingdom: Macmillan Education.
- Kaelan, M.S. (1998). *Filsafat bahasa*. Yogyakarta: Pradigma
- Kamisah Madhan. (1999). *Makna kata dan perlambangan dalam pantun orang muda Melayu Sarawak*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Karimatu Zahra, Syafriah & Elmustian. (2019). Struktur fisik pantun pada buku 1001 pantun untuk anak. *Jom FKIP*, 6, 1 – 9.
- Kartini Abd Wahab. (2016). Profi Tumbuh – tumbuhan dalam pantun Melayu. *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space*, 11, 29 – 43.
- Khadijah Hashim. (2016). *Pantun peribahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalila Iliya Ismail & Mohd Faizal Musa. (2016). *Makanan dalam pembayang pantun Melayu: Satu wacana daripada perspektif Gastronomi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kusnadi. (2016). Pantun Melayu: Kajian terhadap pesan dakwah dalam Tafsir Al – Azhar. *Wardah*, 17, 155 – 173.
- M. Rafiek. (2012). Pantun Madihin: Kajian ciri, struktur pementasan, kreativiti pemadihinan, pembangunan dan pembinaanya di Kalimantan Selatan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2, 104 – 114.
- Madzhi Johari. (1988). *Fonologi dialek Melayu Kuching Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marshall. C & Rossman. G.G. (1999). *Designing qualitative research 3rd edition*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Mary Fatimah Subet & Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). Mengalami dan menghayati makna kemiskinan melalui Bahasa. *Jurnal Bahasa*, 1, 28 – 44.
- Mary Fatimah Subet & Salbia Haji Hassan. (2014). Rahsia kebahasaan pantun Melayu Sarawak: Analisis implikatur. In. Awang Azman Awang Pawi (Eds.), *Wajah Melayu Sarawak: Rampaian Ilmu Budaya* (pp. 187-210). Kuching: Universiti Malaysia Sarawak.
- Mary Fatimah Subet. (2015). Sajak “Pelacur Tua” analisis teori relevans. *Jurnal Bahasa*, 1, 113 – 142.
- Mary Fatimah Subet. (2017). *Pantun Melayu Sarawak pentafsiran makna implikatur*. Kuching: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Media Sandra Kasih. (2000). *Sistem sapaan dalam bahasa Minangkabau: Suatu tinjauan sosiolinguistik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Mohammad Syawal Narawi. (2016). Nilai murni dalam bermukun dan bergendang masyarakat Melayu Sarawak. *Proceeding of International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016 (pp. 1-11). Arau: Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Rashid Md Idris & Abu Hassan Abdul. (2010). *Falsafah pendidikan bahasa*. Tanjung Malim: Emeritus Publications.
- Mohd Rashid Md Idris. (2004). *Monograf bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: ACH Communications.
- Mohd Rashid Md Idris. (2011). *Nilai Melayu dalam pantun*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Rashid Md Idris. (2012). Nilai kebijaksanaan Melayu dalam pantun. *Ulul Islamiyyah Journal*, 9, 1 – 16.
- Mohd Rashid Md Idris. (2012). *Teori Falsafah Bahasa (Teori Rashid)*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Taib Osman. (2012). Pantun sebagai pencerminan muda Melayu. In. Wan Ab Kadir Wan Yusoff (Eds.), *Pantun Manifestasi Minda Masyarakat* (pp. 1-14). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Mohd. Taib Osman. (1979). *Warisan puisi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morse, J. (1994). *Critical issues in qualitative research methods*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Nachmias, C. & Nachmias, D. (1976). *Research methods in the social sciences*. New York: St. Martin's Press.
- Nirwana Sudirman & Zulkifley. (2016). Pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15, 145 – 159.
- Nora Sahmat. (1989). *Peranan puisi Melayu tradisional Sarawak dalam masyarakat Melayu: Satu pengumpulan kritis di Petra Jaya, Bahagian Kuching dan Simunjan Bahagian Samarahan Sarawak*. Disertasi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norazimah Zakaria, Azlina Abdullah, Sharifah Zarina Syed Zakaria, Mimi Hanida Abdul Mutalib, Alizah Lawbri, Siti Salwa Jamaludin & Mashitah Sulaiman, Rosmah. (2017). Akal budi dan cerminan jati diri Melayu Dalam Pantun. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4, 89 – 97.

- Noriah Mohamed.(2006). Pantun: Titian rasa Jawa dan Banjar. In. Rogayah A. Hamid & Jumaah Ilias (Eds.), *Pandangan Semesta Melayu: Pantun* (pp. 303-334). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurulakmal Abd Wahid. (2014). Perkembangan dan perubahan struktur persembahan tradisi gendang Melayu Sarawak. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 2, 137 - 149.
- Othman Lebar. (2011). *Kajian tindakan dalam pendidikan teori dan amalan*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rizal Mustansyir. (1988). *Filsafat bahasa: Aneka masalah arti dan upaya pemecahannya*. Jakarta: PT. Prima Karya.
- Salinah Ja'afar. (2016). Fungsi leksikal alam dalam pantun peribahasa bahasa Melayu. In. Salinah Ja'afar, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd.Ali, Zurinah Hassan & Shafa'atussara Silahudin (Eds.), *Wacana Pantun Melayu* (pp. 1-27). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Santrol Abdullah. (2014). Seni persembahan: Interpretasi Gendang Melayu. In. Awang Azman Awang Pawi (Eds.), *Wajah Melayu Sarawak: Rampaian Ilmu Budaya* (pp. 240-264). Kuching: Universiti Malaysia Sarawak.
- Shafa'atussara Silahudin. (2016). Pantun sebagai nyanyian lagu Melayu asli. In. Salinah Ja'afar, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd.Ali, Zurinah Hassan & Shafa'atussara Silahudin (Eds.), *Wacana Pantun Melayu* (pp. 61 - 82). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hajar Che Man. (2013). Kelestarian pantun: Rencah dan leluhur bangsa dulu, kini dan selamanya. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Jman)*, 1, 75-81.
- Soemarso S. R. (2004). *Akuntansi suatu pengantar edisi lima*. Jakarta: Salemba Empat.
- Sperber & Wilson. (1986). *Relevance communication and cognition*. Oxford UK & Cambridge USA: Blackwell.
- Syazlina Haji Abd Aziz. (2012). *Konsep budalam budaya Melayu dan kaitannya dengan negara bangsa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Salinah Ja'afar. (2016). Pemikiran, diksi dan bentuk jenaka dalam pantun Melayu. In. Salinah Ja'afar, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd.Ali, Zurinah Hassan & Shafa'atussara Silahudin (Eds.), *Wacana Pantun Melayu* (pp. 114 - 140). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. (2016). Ikon dan simbol agama dalam pantun Melayu. In. Salinah Ja'afar, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, Zurinah Hassan & Shafa'atussara Silahudin (Eds.), *Wacana Pantun Melayu* (pp. 28-60). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ulul Azmi. (2014). *Pantun nikah kahwin dalam masyarakat Melayu Bengkalis: Kajian struktur fungsional*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Wan Abdul Kadir Yusof & Ku Zamzam Ku Idris. (1996). Seni budaya dalam kreativiti pantun. In. Wan Ab Kadir Wan Yusoff (Eds.), *Pantun Manifestasi Minda Masyarakat* (pp. 91-106). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Zahir Ahmad. (2008). Pensejarahan dalam pantun Melayu. In. Zainal Abidin Borhan (Eds.), *Pantun Warisan Rakyat* (pp. 81-96). Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Nilai pendidikan dan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam pantun dan peribahasa Melayu. *International Journal of The Malay World and Civilisation*, 5(2), 73 – 86.
- Zulkifley Hamid & Nirwana Sudirman. (2017). *Metafora konsepsi dan skema imej dalam pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Zulkifley Hamid & Nirwana Sudirman. (2017). Metafora konsepsi dan skema imej dalam pantun Melayu. *Journal Of Education and Social Science*, 6(2), 1 – 11.
- Zurinah Hassan. (2016). Kritik sosial dalam pantun Melayu. In. Salinah Ja'afar, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, Zurinah Hassan & Shafa'atussara Silahudin (Eds.), *Wacana Pantun Melayu* (pp. 142-160). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurinah Hassan. (2016). Unsur alam sebagai kias ibarat dalam pantun nasihat. In. Salinah Ja'afar, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, Zurinah Hassan & Shafa'atussara Silahudin (Eds.), *Wacana Pantun Melayu* (pp. 142-160). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

BIODATA PELAJAR



Calon doktor falsafah bidang bahasa Melayu ini berasal dari Kuching, Sarawak. Semasa zaman kanak-kanak, mendapat pendidikan rendah di SK Kota Samarahan, Sarawak. Seterusnya, mendapat pendidikan menengah di SMK Stampin Kuching, Sarawak. Setelah menamatkan pelajaran di sekolah menengah, beliau mendirikan rumahtangga dan dikurniakan dengan dua cahaya mata iaitu seorang perempuan dan seorang lelaki.

Pada tahun 1992, selepas tamat pengajian tingkatan enam, pelajar melanjutkan pelajaran di Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching Sarawak dalam bidang perguruan dan mengambil bidang Pengajian Melayu sebagai major serta Kajian Tempatan sebagai minor. Setelah mengajar di beberapa buah sekolah di Subang dan di Pahang, pelajar meneruskan pengajian dalam Sarjana Muda Pendidikan di Universiti Terbuka Malaysia pada tahun 2008 dan tamat pada tahun 2012 dalam bidang yang sama iaitu Bahasa Melayu dan Pendidikan Seni Visual. Pelajar juga pernah bertugas sebagai Penolong Pengarah di Bahagian Pengurusan Sekolah selama beberapa tahun dan semasa bertugas beliau berjaya menamatkan pengajian iaitu Master Bahasa Melayu di Universiti Putra Malaysia. Sebaik sahaja tamat pengajian peringkat Master, pelajar meneruskan pengajian ke Peringkat Doktor Falsafah.

SENARAI PENERBITAN

- Hamsiah Juki & Che Ibrahim Salleh. (2017). Kesantunan Bahasa Pantun Melayu Sarawak. Dlm. *Rumpun Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu*. Jil. 15, Hlm. 66 – 88.
- Hamsiah Juki. (2018). Bahasa dan Pemikiran dalam Pantun Melayu Sarawak. Dlm. *Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah, Bahasa, dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM) ke - 7*, Hlm. 537 – 544.
- Hamsiah Juki & Che Ibrahim Salleh. (2017). Makna Tersirat dalam Teka Teki Melayu. Dlm. *Seminar Internasional Pertama Literature Nusantara*, Hlm. 249 – 270.
- Hamsiah Juki. (2017). Kesantunan Bahasa Cerminan Peribadi. Dlm. *Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan Membudayakan Amalan Abad ke - 21*, Hlm. 349 – 355.
- Hamsiah Juki. (2017). Sarawak Malay Language in Poem. Dlm. *International Journal of Academic Research in Bussiness and Social Sciences*. Vol. 7, Hlm. 770 – 786.
- Hamsiah Juki. (2019). Nilai Etika dalam Pantun Melayu Sarawak. Dlm. *Seminar Internasional Pertama Literature Nusantara*, Hlm. 416 – 427.
- Hamsiah Juki. (2017). Penguasaan Peribahasa dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. Dlm. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*. Bil 4, Hlm. 345-360.
- Hamsiah Juki. (2018). Konsep Nilai dalam Pemikiran Melayu dari Sudut Linguistik. Dlm. *Prosiding Seminar Antara Bangsa Memartabatkan Bahasa Melayu/Indonesia ASEAN*, Hlm. 185-198.
- Hamsiah Juki. (2018). *Sumpah Sumandak Dusun Tampruli*. Tanjung Malim: Persatuan Budiman Malaysia.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

ASPEK BAHASA DAN FALSAFAH DALAM MUKUN MELAYU SARAWAK

NAMA PELAJAR : HAMSIAH BT JUKI

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (v)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]